

28 AUG 1997

Mahathir-saham

PM UMUM TINDAKAN SEKAT PEMBABIT MANIPULASI JATUHKAN PASARAN SAHAM

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan beberapa langkah, termasuk menyekat pemberian pinjaman sekuriti, untuk mengelakkan dana-dana asing daripada menjatuhkan pasaran saham tempatan melalui jualan singkat bersifat manipulatif.

Perdana Menteri memberitahu para editor media tempatan di sini bahawa beliau mempunyai bukti bahawa dana-dana asing, termasuk yang diutuskan oleh pemodal Amerika George Soros, telah mengubah perhatian mereka daripada tukaran wang asing kepada pasaran ekuiti di Malaysia.

Sementara itu, institusi-institusi tempatan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Kumpulan Wang Amanah Pencen dan Permodalan Nasional Berhad, dan juga pelabur-pelabur swasta "yang sanggup menyertai kerajaan" telah diminta membeli secara cergas di Bursa Saham Kuala Lumpur.

"Tidak ada sekatan" kepada pembelian berbilion-bilion ringgit akan dipertanggung jawabkan di dalam urusan ini jika perlu, katanya semasa taklimat 90 minit itu.

Dr Mahathir yang kelihatan muram memberi amaran bahawa kerajaan akan mengambil tindakan keras terhadap sesiapa yang didapati melakukan apa sahaja terhadap kepentingan negara.

Tindakan-tindakan berkenaan, di samping peraturan serahan sebelum jualan yang menguasai 100 saham yang membentuk tanda aras Indeks Komposit yang berkuat kuasa pagi ini, dijangka mempunyai kesan besar terhadap pembabit manipulasi.

Perdana Menteri berkata beliau menerima adanya pasaran terbuka dan juga penyertaan asing dalam pasaran.

"Saya malahan terima spekulasi dalam pasaran saham tetapi saya tidak akan terima manipulasi pasaran," katanya.

Beliau menyifatkan manipulasi dana asing yang besar itu yang tahu mereka boleh mempengaruhi arah tuju pasaran dan kesan tindakan mereka di pasaran adalah seperti urus niaga dalaman, sambil berkata bahawa urus niaga dalaman mengambil kesempatan daripada maklumat awal daripada dalam manakala manipulasi dilakukan dari luar.

Katanya dana-dana itu telah mengambil kesempatan daripada persekitaran pasaran yang liberal di Malaysia untuk meminjam skrip daripada bank-bank dan institusi-institusi lain di negara ini untuk menjual singkat dan menurunkan pasaran untuk membuat keuntungan.

Skrip yang sama boleh digunakan dengan berulang-ulang bagi tujuan ini dan "ini boleh berterusan tanpa penamat," kata Dr Mahathir sambil menjelaskan bahawa dalam proses itu mereka terus menekan saham dan memburukkan keadaan.

Hari ini, CI menjunam 35.74 mata kepada 812.18 akibat tekanan jualan berterusan.

Dr Mahathir berkata keadaan telah sampai ke satu tahap yang terdapat pertentangan antara pasaran saham dan keuntungan syarikat-syarikat yang sahamnya disenaraikan di BSKL, sambil menyebut sebagai contoh kejatuhan harga saham Malayan Banking Bhd walaupun ia mengumumkan keuntungan rekod terbaik RM2.2 bilion.

Beliau berkata sementara peraturan "serahan sebelum jualan" yang diumumkan semalam mungkin mengakibatkan harga saham jatuh, keputusan yang sama mungkin berlaku dalam dua minggu atau kurang jika tindakan tidak diambil.

Katanya sementara tindakan yang sedang diambil mungkin "membuatkan

sesetengah orang tidak gembira dengan kita, kita akan pastikan ia berjaya."

"Kita tidak akan membenarkan orang seperti ini memanipulasi ekonomi kita seolah-oleh mereka ada hak untuk mendapat faedah percuma daripada kita," kata beliau.

Dr Mahathir berkata tindakan kerajaan wajar kerana apabila sesuatu yang sah disalah gunakan, kerajaan bertanggungjawab menjadikannya tidak sah.

"Pendapat saya ialah bahawa manipulasi tahap itu mesti dijadikan tidak sah," katanya.

Beliau menyebut sebagai contoh penguatkuasaan undang-undang anti-amanah di Amerika Syarikat selepas kerajaan sedar terhadap monopoli yang tidak sihat yang dipergunakan oleh amanah minyak Rockefeller, perubahan dalam peraturan oleh Bursa Saham London selepas "serangan pajar" bagi saham Guthrie dan perubahan peraturan saat akhir oleh Bursa Logam London untuk menyelamatkan peniaga-peniaga yang telah menjual singkat timah tetapi tidak dapat menyerahkan apabila kontrak itu matang.

Katanya dalam negeri, Malaysia menjadikan tidak sah untuk terbabit dalam manipulasi seumpamanya dan di peringkat antarabangsa ia akan bercakap untuk memberitahu dunia kenapa ia harus dijadikan tidak sah.

Beliau juga menyeru pelabur Malaysia memasuki pasaran dan menghidupkan semula pasaran saham.

Dr Mahathir berkata harga kini amat menarik sehingga saham-saham tempatan akan merupakan pelaburan yang baik, cuma untuk pulangan dividen walaupun perolehan modal terlepas daripada perhatian. -- BERNAMA

LKC OS/sia MAI